



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 11/2023**

**RAMADAN BULAN MULIA**

**24 Syaaban 1444 H**

*Bersamaan*

**17 Mac 2023**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَتَمَّ لَنَا نِعْمَةَ الْإِسْلَامِ وَفَرَضَ عَلَيْنَا الصِّيَامَ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا وَشَفِيعَنَا وَقُدْوَتَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ،

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Wahai hamba-hamba Allah! Saya berpesan kepada tuan-tuan dan juga diri sendiri supaya bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.”

Dari mimbar yang mulia ini, marilah kita mengambil pelajaran daripada khutbah bertajuk :

### **“RAMADAN BULAN MULIA”.**

#### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah.**

Ramadan berkunjung lagi sebagai tetamu yang dinantikan oleh sekalian kaum muslimin. Penghulu segala bulan ini merupakan anugerah istimewa dan kurniaan yang sangat besar bagi umat Nabi Muhammad saw.

Ramadan bermaksud bersangatan panas. Ini kerana masyarakat Arab tatkala mula-mula meletakkan nama bagi bulan ke sembilan, cuaca pada bulan tersebut bersangatan panas.

Ramadan juga dikaitkan sebagai bulan penghapus dosa-dosa, sesuai dengan makna Ramadan yang membawa maksud panas membakar. Terdapat banyak fadilat dan keistimewaan pada bulan mulia ini, antaranya:

**Pertama** : Bulan penuh keberkatan sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُّبَارَكٌ فَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ، تُوْفِتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ السَّمَاءِ،  
وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ، وَتُغَلُّ فِيهِ مَرَدَّةُ الشَّيَاطِينِ،  
لِلَّهِ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ، مَنْ حُرِمَ خَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ

**Bermaksud:** “Telah datang kepada kamu bulan Ramadan, bulan yang penuh keberkatan. Di dalamnya Allah mewajibkan ke atas kamu berpuasa. Pada bulan ini pintu-pintu syurga dibuka, pintu-pintu neraka ditutup dan syaitan-syaitan yang degil dibelenggu. Terdapat pada bulan ini malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Sesiapa yang tidak memperoleh kebaikannya maka dia terhalang mendapat kebaikan yang besar.”

(Hadith riwayat Ahmad dan An-Nasa’i).

**Kedua** : Bulan keampunan.

Tetamu mulia ini datang menjanjikan pembersihan diri manusia dari dosa agar mereka kembali kepada kemuliaan fitrah sebagaimana asal ciptaan.

Sabda Nabi Muhammad SAW:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

**Bermaksud:** “Sesiapa yang berpuasa Ramadan kerana beriman kepada Allah dan hanya mengharapkan redha kepada Allah SWT, maka akan diampuni semua dosa yang telah dilakukannya.”

(Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim)

**Ketiga :** Bulan pembebasan dari neraka.

Mafhum daripada sabda Rasulullah SAW:

“Apabila tiba malam pertama Ramadan, Malaikat akan berseru: “Wahai orang yang ingin berbuat kebajikan, teruskan berbuat kebajikan. Wahai orang yang ingin berbuat kejahatan, hentikanlah daripada berbuat maksiat. Allah s.w.t memberi kurnia dengan membebaskan ramai manusia dari neraka. Itu berlaku pada setiap malam sepanjang Ramadhan.”

(Hadith riwayat al-Tirmizi)

**Sidang Jumaat yang dimuliakan.**

**Keempat :** Turunnya al-Quran al-Karim.

Allah Ta’ala berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ  
وَالْفُرْقَانِ

**Bermaksud:** “Bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al-Quran, sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan yang membezakan (antara yang hak dan yang batil).”

Menurut Imam Ibnu Kathir: “Allah Ta’ala memuliakan bulan Ramadan berbanding bulan-bulan yang lain kerana bulan ini telah dipilih oleh Allah untuk diturunkan al-Qur’an, termasuklah kitab Zabur, Taurat dan Injil kepada para Anbiya’ AS.

**Kelima :** Pahala berganda di bulan Ramadhan.

Antara keistimewaan Ramadan, Allah SWT menggandakan pahala setiap amalan yang dikerjakan. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesiapa yang mendekatkan dirinya kepada Allah dalam bulan Ramadan dengan satu kebajikan, pahalanya seperti menunaikan satu kefardhuan dalam bulan selainnya (iaitu di luar Ramadan). Sesiapa yang menunaikan satu kefardhuan dalamnya, pahalanya seperti menunaikan 70 kefardhuan dalam bulan selainnya.”

(Hadis riwayat Ibnu Khuzaimah dan al-Baihaqi)

Rasulullah SAW juga bersabda:

عُمْرَةٌ فِي رَمَضَانَ تَعْدِلُ حَجَّةً أَوْ حَجَّةً مَعِي

**Bermaksud:** Satu umrah di bulan Ramadan menyamai pahala sekali haji, atau haji bersamaku.

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

## Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Marilah kita bersama-sama istiqamah dalam melaksanakan ibadah dengan bersungguh-sungguh. Mudah-mudahan segala amal ibadah dan amal soleh yang ikhlas itu membuahkan ketaqwaan yang menjadi bekalan dan saham amal kita di akhirat nanti. Ramadan hanya bertamu sekali dalam setahun. Justeru, jangan lepaskan peluang meraih ganjaran yang menanti kita.

Sabda Rasulullah SAW:

وَرَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ دَخَلَ عَلَيْهِ رَمَضَانُ، ثُمَّ انْسَلَخَ قَبْلَ أَنْ يُغْفَرَ لَهُ

**Bermaksud:** “Rugilah seseorang yang apabila Ramadan datang kepadanya, kemudian Ramadan berlalu tanpa dia mendapatkan keampunan.”

(Hadith riwayat Muslim)

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

❖ وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ

لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

**Bermaksud :** “Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan daripada Tuhan kamu dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa.”

(Surah Ali-Imran : Ayat 133)

بَارِكْ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ  
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ  
مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ  
تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ  
الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.